

4.8 TEAMBUILDING WHITE WATER RAFTING KIULU

Disediakan oleh: En. Alexander Saidi, Penolong Pegawai Tadbir

Pada 30 September 2012, Jabatan Pendaftar melalui Bahagian Pentadbiran dan Governan dengan kerjasama Sektor Pembangunan Sumber Manusia buat julung-julung kalinya telah mengadakan Program Pengukuhan Pasukan (*Teambuilding*) bertempat di White Water Rafting, Kiulu. Para peserta adalah terdiri daripada semua kakitangan di Pejabat Pendaftar.

Program *teambuilding* ini adalah satu elemen latihan kakitangan yang mampu melahirkan kesedaran kepada seseorang berkaitan kepentingan bekerja dalam satu kumpulan. Ia sangat penting diperaktikkan oleh organisasi yang sedang berkembang serta mempunyai banyak aktiviti pentadbiran serta pengurusan sebagai Key Performance Indicator (KPI).

Program telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan serta motivasi oleh YBhg. Mej. (K) Datuk Abdullah Hj. Mohd. Said, Pendaftar UMS dan seterusnya disusuli dengan bacaan doa selamat. Program yang bermula seawal jam 7.00 pagi tersebut telah berakhir pada jam 1.00 petang dan semua peserta telah berjaya menamatkan aktiviti rafting tanpa sebarang masalah.

Dalam ucapan tersebut, YBhg. Datuk Pendaftar berharap bahawa aktiviti seumpama ini dapat diteruskan demi untuk melahirkan kakitangan Pejabat Pendaftar yang bukan sahaja mantap dari segi fizikal dan mental tetapi sekaligus mengukuhkan lagi semangat berpasukan dalam melaksanakan kerja-kerja dan aktiviti Pejabat Pendaftar